

Peringatan : Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca – P.

-----*-----*-----

Yaakob bin Abdul Wahab, 21 St. John Hall Lane

Melaka bertanya: Apakah jasa mesti dilakukan oleh pemuda-pemuda di dunia ini sebelum mereka kembali ke rahmat Allah Taala ?

Jawab: Jasa yang dibuat oleh mereka itu ialah beramal salih. Beramal salih itu tidak sahaja mengerjakan segala suruhan-suruhan Allah yang difardhukan ke atasnya seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya tetapi juga amal saleh itu mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang berkebajikan, menuntut keduniaan dengan secara luas yang dengannya akan meninggikan kedudukan dan syiar Islam dengan segala pekerjaan itu hendaklah dikerjakan semata-mata untuk Allah, tidak kerana riak, tidak kerana mencari kemegahan bahkan semuanya dijalankan dengan ikhlas semata-mata.

Di dalam mengerjakan pekerjaan-pekerjaan itu ia hendaklah tidak mengharap sesuatu daripadanya yakni tidak berharap kepada sesuatu balasan dengan semata-mata ia berbuat kerana Allah dengan merasakan yang demikian itu ialah sebagai suatu kebajikan yang mesti ditunaikannya. Ia menolong orang tidak berkehendak kepada kemegahan atau balasan tetapi tersemat di dalam dadanya bahawa memberi pertolongan itu suatu kewajipan jika ia berupaya menjalankannya. Buatlah tiap-tiap kebajikan yang disuruh oleh agama maka insya-Allah Tuhan akan menjadikannya orang yang membuat kebajikan yang tidak tolok bandingnya. Dengan yang demikian ini mestilah diingat cara menolong itu adalah untuk kebajikan dan tidak menolong orang di dalam pekerjaan yang maksiat kerana yang demikian itu adalah terkutuk.



(Khas bagi Majalah Qalam – tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*-----

Arafin bin Sutan Ajam, Kampung Gunung Panjang,

Gopeng, Perak bertanya: Mengapa di kaki bukit-bukit atau gunung-gunung batu bergerigis seperti dipukul ombak ?

Jawab : Gerigis-gerigis itu terbitnya ialah daripada air yang turun dari atas bukit atau gunung-gunung itu kepada kaki-kakinya. Tidakkah orang tua-tua berkata sekeras-keras batu itu boleh ditembok oleh air.

-----*-----*-----

Muhammad bin Syahidan, Parit Sulung, Batu Pahat bertanya:

Apa sebabnya tidak ada sekolah tinggi bagi pelajaran agama di Malaya ini?

Jawab : Rancangan untuk mengadakan sekolah tinggi (Kolej Islam) telah dijalankan dan derma-derma sedang dikutip bagi tujuan yang tersebut oleh kerana memang telah terasa mustahak adanya sekolah-sekolah tinggi bagi Islam yang disesuaikan dengan keadaan masa. Tetapi malangnya langkah itu tidak berjalan dengan maju sedang diderma-derma yang dapat dikatakan sangat-sangat tidak memuaskan hati terutamanya untuk menyampaikan tujuan-tujuan yang tersebut.

Di sebalik mengadakan pelajaran tinggi itu ada seperkara yang lebih mustahak diperhati ialah ikhtiar-ikhtiar yang patut dijalankan bersama-sama oleh Jabatan-jabatan Agama seluruh Tanah Melayu untuk menyatukan cara pelajaran agama supaya sama dan teratur oleh kerana pada masa ini sedang di dalam daerah jabatan-jabatan itu sendiri di antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah tidak sama pelajarannya – apalagi di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain. Cara menyatukan ini sangat mustahak kerana dengannya dapatlah nanti diisi sekolah-sekolah tinggi itu oleh masing-masing negeri sebagai

tingkatan yang utama. Untuk mencapai tujuan ini maka yang lebih mustahak daripada sekolah-sekolah tinggi itu ialah mengadakan normal ke atas supaya guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah umum itu mempunyai ilmu pendidikan yang sama – tidak keadaannya seperti sekarang, pada setengah-setengah tempat. Jabatan-jabatan agama itu hanya memberi toleh sahaja setelah orang itu diperiksa oleh orang yang bukan pula ahli di dalam perkara pelajaran.

-----*-----*-----

Yaakob bin Haji Abdullah Sani Bukit Kelidang
Road, Kota Tampin Tinggi Negeri Sembilan bertanya: Yang mana lebih tua di antara Muhammad Ali Hanafiah dengan Hasan dan Hussein anak-anak baginda Ali?

Jawab : Yang tua Hasan, kemudian Hussein, dan Muhammad Ali Hanafiah. Sebab digelar “Muhammad Hanafiah “ kerana ibunya daripada kaum Bani Hanifah.

-----*-----*-----

Hussin, Parit Lat, Nombor 1 Jalan Baharu, Parit Buntar Perak bertanya: Adakah permainan badminton, hoki dan football, itu haram?

Jawab : Permainan-permainan itu tidak haram. Ia suatu riadah. Tetapi yang haram di dalamnya ialah aurat yang terbuka demikian juga pergaulan di antara lelaki dengan perempuan.

-----*-----*-----

Muhammad Hatta bin Abdullah, Sungai Palong, Sungai Buluh, Kuala Lumpur bertanya : Apa hukumnya seorang perempuan yang nikah di dalam idah dan telah digauli oleh suaminya yang kedua itu?

Jawab: Allah telah berfirman (maksudnya) : Perempuan-perempuan yang diceraikan itu (wajib) menahan diri (hingga) tiga kali bersih daripada haid – al-Quran surah al-Baqarah ayat 227. Daripada ayat yang tersebut ini dan ada beberapa hadis lagi sudah terang bahawa perempuan yang diceraikan oleh suaminya itu tidak boleh kahwin melainkan setelah haid tiga kali dan bagi mereka-mereka yang tidak ada haid hendaklah menahan diri selama tiga bulan sepuluh hari iaitu nisbah sepanjang-panjang haid itu. Percampurannya



Riwayat gambar ini baca dalam ruangan Kopi Pahit

sebelum cukup idah itu sudah terang hukumnya berzina. Ahli-ahli fikir menyatakan sebab-sebabnya dikehendaki tiga kali haid ialah untuk menentukan bahawasanya tidak ada kepadanya benih suami yang lama yang jika sebelum itu ia mendapat anak maka dapatlah ditentukan anak siapa yang dikandungnya.

-----*-----*-----

Abu Bakar, Sekolah Agama Pancur, Muar bertanya : Apa hukumnya seorang mengambil faedah tentang agama Islam seperti menjadi guru sekolah, di sekolah agama serta lain-lainnya di dalam Jabatan Jawatan agama Islam ?

Jawab : Harus. Mereka itu bukan malaikat yakni ia berhajat kepada makan dan minum dan dengan kerana ia itu tidak dapat menjalankan pekerjaan sekiranya ia tidak mendapat faedah daripada usahanya. Mengambil faedah yang serupa ini bukanlah ia mengambil faedah merampas hak orang umpamanya seperti seorang guru atau Tok Lebai yang kaya dan banyak bandangnya tetapi tidak segan menerima

zakat fitrah atau harta daripada murid-muridnya pada hal zakat itu adalah hak orang-orang yang tertentu terutamanya fakir dan miskin. Perbuatan yang sedemikian ini adalah merampas hak orang-orang yang tersebut tadi. Ini adalah ditegah tetapi bersalahan dengan guru yang mengajar yang ditentukan gajinya kerana yang demikian itu harus untuk nafkah hidupnya.

-----*-----*-----

Abdul Razak Ahmad, 161 Mengkuang, Bukit Mertajam
bertanya : Banyak orang-orang melayu di kampung yang tidak mengetahui pelajaran agamanya – adakah sembelihan mereka itu boleh dimakan (halal ?)

Jawab : Syarat menyembelih itu ialah dengan nama Allah dan dengan pisau yang tajam dan memotong sehingga putus urat merahnya. Jika ia melakukan yang demikian maka halal sembelihannya.

-----*-----*-----

Endut bin Maidin, Miksuil Drive, Kuala Lumpur
bertanya : Apa hukumnya isteri bermain joget moden, suami menjadi tukang jual tiket?

Jawab : Sebagaimana lazim diketahui dan dipandang maka keadaan joget itu ialah perbuatan yang asi dan ditegah. Jadi isteri melakukan pekerjaan yang asi, sedang suami yang menjual tiket itu bersyubhat dengannya selain daripada membiarkan tanggungannya membuat pekerjaan-pekerjaan yang ditegah itu.

-----*-----*-----

Haji Abdul Aziz bin Haji idris, Parit Baru
Sungai Lang bertanya: Menembak burung yang halal, mati sebelum disembelih apa hukumnya ?

Jawab : Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) : Kalau engkau lempar (suatu perburuan) dengan ma'rad lalu ma'rad itu melukakan maka makanlah akan (perburuan) itu ; dan jika badan ma'rad itu tidak mengenai janganlah engkau makan. Hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim.

Maksud hadis ini kalau memburu seekor binatang

lalu dilempar dengan ma'rad dan hujung ma'rad itu mengenai binatang itu maka halal binatang itu dimakan. Tetapi sekiranya badan ma'rad itu mengenai lalu binatang itu mati tidak halal memakannya. (Ma'rad – ialah sejenis kayu seperti tongkat yang dua hujungnya tajam dan ditengahnya gemuk. Kalau dilemparkan kepada sesuatu kerap kali tengahnya yang kena).

Sabda Rasulullah lagi (maksudnya): Apabila engkau lempar (perburuan) dengan mengucap Bismillah dan dapat engkau melukakannya maka makanlah akan dia ; dan jika tidak dapat engkau melakukan maka janganlah engkau makan; dan janganlah engkau makan (perburuan) dengan ma'rad kecuali kalau dapat engkau menyembelihnya dan jangan engkau makan (perburuan) dengan lemparan tanah yang keras kecuali dapat engkau menyembelihnya. Hadis riwayat Ahmad.

Daripada kedua-dua hadis ini dapat lah difaham bahawa binatang yang halal dimakan yang kita buru dengan apa perkakas pun boleh kita makan asalkan sahaja matinya itu dilukai oleh perkakas kita ; dan daripadanya kita dapat tau bahawa binatang yang diburu dengan alat yang tumpul (yang tak boleh melukai) tak boleh dimakan kecuali dapat disembelih sebelum ia mati.

Patut disebut bahawa perburuan yang ditembak dengan peluru yang melukai itu adalah halal dimakan. Inilah pendapat ahli-ahli yang mengambil qias kepada hadis yang tersebut di atas dengan sebab peluru itu ialah senjata tajam yang melukai dan mengeluarkan darah perburuan itu.

-----*-----*-----

Zaini bin Saleh, Senggarang, Batu Pahat bertanya: Mengapa gerhana bulan dan matahari itu tidak jadi pada tiap-tiap bulan?

Jawab : Gerhana itu terjadi, menurut pengetahuan umum ialah apabila bertemu peredaran di antara matahari dan bulan dan kerana peredaran-peredaran di antara matahari dan bumi berlainan-lainan maka gerhana itu tidak terjadi pada tiap-tiap bulan melainkan pada masa-masa yang terjadi

pertemuannya yang dapat dihitung oleh ahli-ahlinya sebelum lagi masa-masanya.

-----*-----*-----

Abu Bakar Hasyim, Idris Sakul, Bukit Cendana,
Kuala Kangsar bertanya : Di manakah sepatutnya bangsa kita yang dua setengah million ini berdiri di dalam perselisihan di antara barat dan timur?

Jawab : Soal ini tidak berapa terang – tentang perselisihan apakah yang dihayat tetapi bolehlah difahamkan maksudnya ialah perselisihan di antara pergaulan dan adat resam timur dan barat yang sedang bergelora diharungi oleh orang-orang kita. Menurut pendapat kita yang sebaik-baiknya dan lebih selamat ialah mengikut pengajaran agama Islam kerana orang cerdik pandai sendiri insaf dengan agama Islam itu dunia ini akan selamat sama ada dalam perkara siasah ataupun kebudayaan.

Sekiranya soal itu dihadapkan kepada perselisihan-perselisihan di antara negeri dengan negeri yakni tuntutan kebebasan orang-orang timur kepada penjajahan barat maka di dalam kedudukan kita hari ini keadaan kita terpaksa mengikut angin oleh sebab kita mengetahui siapa yang ada di atas kita. Pendek kata keadaan kita sekarang di dalam serba serbinya kalau berlaku suatu perjuangan di antara mereka itu maka kita terletak sebagai kata pepatah “Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah – ke mana pun kita ada maka kita hanya menjadi alat kerana ketiadaan kesatuan kita.

-----*-----*-----

Basyah Ahmad, Kampung Tua, Gunung Semanggol, Bagan Serai bertanya: Apa hukumnya bersanding (diletakkan penggantian lelaki dan pengantin perempuan dalam suatu pelamin dan ditengok beramai) sebagaimana lazim dibuat dalam upacara-upacara perkahwinan ?

Jawab : Di dalam majalah ini di dalam ruangan helaian Hak dan Kebebasan Perempuan telah kerap kali ditulis

oleh penulis menentukan hukum-hukum yang mengenai campuran di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya. Di dalam perbandingan itu sudah tetap dan sudah terang bahawa keadaan-keadaan tegahan itu dilanggar. Adat yang sedemikian ini ialah suatu adat yang berakar berumbi yang di dalam adat-adat persandingan itu pula kerap kali diambil tauladan-tauladan daripada adat-adat Hindu iaitu perkara-perkara yang tidak ada di dalam pengajaran Islam.

-----*-----*-----

Munawar bin Usman, Kuala Kedah, bertanya : Kalau ada berapa banyakkah gadis-gadis Inggeris dan pengantin-pengantin di bandar-bandar di Eropah yang telah rosak kehormatan atau setelah hamil sebelum pengantin – apa sebabnya ?

Jawab : Kita tidak menentukan berapa, banyak gadis-gadis atau pengantin-pengantin yang telah rosak kehormatan atau hamil sebelum kahwin kerana tidak ada rekodnya. Sebab-sebabnya tidak lain, kejadian yang semacam itu kerana bebas dalam pergaulan. Di dalam pengajaran kita Islam menegah pergaulan yang demikian itu dan agama menegah perjumpaan di antara seseorang lelaki dengan seorang perempuan bukan mahramnya dengan tidak ada dihadiri oleh mahram yang lain oleh kerana ditakuti fitnah. Fitnah itu terbitnya adalah daripada kemahuan semula jadi di antara lelaki dengan perempuan yang tidak dapat diingkarkan yang sudah tentu akan membawa kepada punca-punca yang demikian itu dan tidaklah hairan pergaulan yang sedemikian itu semakin hari semakin merbahaya yang merosakkan kehormatan mereka yang ingkar kepadanya.

-----*-----*-----

Muhammad Sa'id bin Abdullah Jertih, Besut, Terengganu bertanya: Wang kertas (note) adakah wajib keluar zakat atau tidak apakala sampai nasabnya ?

Jawab: Wajib. Wang kertas itu adalah sebagai ganti daripada wang emas dan tiap-tiap wang kertas itu jaminannya mengikut harganya dengan emas atau perak sebagaimana yang ditentukan.